

BERITA HARIAN

DATE: 24/3/2010

Bekas PM Britain puji Najib tarik pelabur

BH - 24/03/2010

HONG KONG: Bekas Perdana Menteri Britain, Sir John Major memuji Datuk Seri Najib Razak di atas keterbukaan dan sikap berterus terang beliau dengan pengurus dana asing di sini dalam menghuraikan keadaan ekonomi Malaysia dan mendengar kebimbangan mereka.

"Malaysia kini berada di bawah kepimpinan yang baik, berdasarkan kepada apa yang Perdana Menteri Malaysia sampaikan kepada pengurus dana asing pada Persidangan Credit Suisse Asian Investment di sini, semalam dan komitmen beliau untuk menukarkan Malaysia menjadi sebuah ekonomi maju," katanya yang kemu-

dian mendapat tepukan hadirin di International Financial Centre di sini.

Major, penasihat khas Credit Suisse, berucap pada majlis makan malam yang dianjurkan CIMB dan kumpulan perkhidmatan kewangan yang mana Najib menjadi tetamu kehormat selepas persidangan peringkat tinggi itu yang mengumpulkan kira-kira 100 pengurus dana terkemuka serantau.

Najib mengadakan pertemuan secara berturutan dengan pelbagai pengurus dana serta ketua industri dan menyampaikan ucap-tama pada majlis makan tengah hari yang diperantarakan oleh Major.

Major berkata, Najib me-

nerangkan dengan jelas dalam usaha 'menjual' Malaysia sebagai destinasi pelaburan dengan pengurus dana asing benar-benar menghargainya, yang mana mereka sebaliknya berterus terang mengenai apa yang kurang dalam pasaran ekuiti dan modal Malaysia.

Terdahulu, Najib, ketika memberi ucapan berkata, beliau mengambil berat apa perubahan yang pengurus dana mahu lihat dalam pasaran modal Malaysia.

Perdana Menteri berkata, selepas perbincangan hangat dengan pengurus dana, beliau dapat memahami sekarang bagaimana mereka melihat Malaysia.

"Anda suka pasaran Ma-

laysia yang stabil, tetapi tidak cukup menarik, jadi kita perlu melakukan sesuatu mengenainya memandangkan faktor yang mengujakan.

"Apabila pasaran dunia meningkat tinggi, pasaran Malaysia tidak banyak bergerak, tetapi apa yang baiknya ialah apabila pasaran dunia merudum, kita tidak turut sama jatuh menjunam dengan teruk," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pergerakan dalam pasaran menguja pengurus dana, dan itulah sebabnya Malaysia perlu mengadakan lebih banyak peluang bagi pelaburan dengan mewujudkan syarikat yang mempunyai rekod pencapaian yang baik bagi penyenaaran. - Bernama